**Saodah Nawawi sebagai DO SPU** MS2



**RM2 juta bangun rekreasi Teluk Bahang** MS 10

**Tender terbuka jimat kos naiktaraf Bukit D.O.** MS 20




PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

16 – 31 JANUARI 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


**Salam Maulidur Rasul 1434H/2013 & Selamat Menyambut *Thaipusam.***

# Kompleks Mahkamah Syariah simbol negeri martabat Islam

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Demi memartabatkan Islam di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sanggup menyediakan 3.49 ekar tanah bernilai lebih RM100 juta bagi pembangunan Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Pulau Pinang baru yang bernilai hampir RM33 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa melawat kawasan pembinaan baru-baru ini berkata, Kerajaan Negeri berharap projek tersebut dapat siap lebih awal dari masa yang disasarkan, iaitu 1 Oktober tahun depan (2014).

"Usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah memberikan tanah seluas 3.49 ekar yang dianggarkan sekarang bernilai RM100 juta.

"Kerajaan Negeri terus berusaha untuk menjadikan projek ini suatu realiti yang ditunggukan selama 50 tahun lebih.

"Sumbangan Kerajaan Negeri ini, kerana kita mahu impian sebuah Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah dapat disempurnakan lebih awal (demi) memartabatkan Islam di negeri ini," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Datuk Mohd. Salleh Man (Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang, MAINPP) dan Datuk Yusof Musa (Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang) turut hadir pada lawatan kerja itu.

Hadir bersama, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Ahmad Latif Abdul Hamid.

Wakil kontraktor, IHS Utara Malaysia Sdn. Bhd. turut hadir pada majlis tersebut.

Sebelum pada itu, Ahmad Latif memberitahu bahawa kerja-kerja memindahkan pusat janakuasa elektrik lama membabitkan syarikat Tenaga National Berhad (TNB) ke lokasi baru mengambil masa yang lebih lama, sehinga lewat 1 peratus dari jadual operasi disasarkan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kelewatan itu tidak mengganggu keseluruhan operasi di tapak pembinaan tersebut.

Difahamkan, kompleks baru itu berkongsi tapak dengan Mahkamah Syariah Daerah Timur Laut, di sini.

Di atas lot tanah 704 dan 705 Syeksyen 2, Jalan Batu Gantung atau Jalan Scotland, Guan Eng berkata, kompleks itu dijangka berfungsi sebagai pusat setempat berprestij bukan sahaja di negeri berkenaan, malah, di tanah air ini.

Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri bakal mempunyai tujuh aras yang terdiri daripada ruang lobi, dewan serbaguna, surau, balai polis, kafeteria, dewan bicara dan pusat penjagaan kanak-kanak. Malah, kompleks tersebut juga mempunyai kelengkapan yang mesra OKU (orang kurang upaya).



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Yusof Musa (depan, dua dari kanan) ketika melawat tapak pembinaan Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**LAKARAN Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Pulau Pinang.**

# Saodah wanita kedua dilantik sebagai Pegawai Daerah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Timbalan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Saodah Nawawi, 57, dilantik sebagai Pegawai Daerah, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) baru berkuatkuasa 7 Januari lalu.

Pelantikan tersebut adalah bagi menggantikan Jusni Ismail, 56, yang ditukar ke Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) bagi menjawat jawatan sama.

Roslan Yahaya yang sebelum ini menjawat jawatan Pegawai Daerah, Daerah SPT bertukar ke Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri.

Lantikan Jusni dan pertukaran Roslan berkuatkuasa pada tarikh sama.

Malah, lantikan Saodah menjadikan beliau sebagai wanita kedua dilantik sebagai pegawai daerah di negeri Pulau Pinang.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus berkata, keputusan pertukaran tiga pegawai kanan adalah sebagai usaha memantapkan pengurusan pentadbiran awam di Pulau Pinang.

"Perkara tersebut telah diputuskan dalam mesyuarat Exco baru-baru ini dan kesemua pegawai terlibat telah dimaklumkan akan pertukaran ini.

"Pertukaran ini adalah sebagai usaha untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan yang akan disampaikan kepada rakyat adalah lancar bagi menjamin keberkesanan perkhidmatan disampaikan," katanya dalam kenyataan media di sini baru-baru ini.

Saodah yang dilahirkan di Parit, Perak merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Sepanjang 32 tahun menabur khidmat dalam perkhidmatan awam, beliau pernah dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) pada tahun 1994, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, APC (1996 dan 2007), Pingat Kelakuan Terpuji, PKT (2006) dan Bintang Cemerlang Negeri, BCN (2011).

Beliau sebelum ini pernah berkhidmat di Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Perak, Kementerian Kesihatan, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang dan lain-lain.



JUSNI Ismail.



SAODAH Nawawi.

# Bank Persatuan serah RM905,979.46

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN -** Bank Persatuan Malaysia Berhad (Bank Persatuan) menunaikan kewajipan dengan menyerahkan zakat perniagaan pertubuhan sebanyak RM905,979.46 bagi tahun 2011 kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) di sini baru-baru ini.

Penyerahan tersebut diterima Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas dalam majlis ringkas yang diadakan di kediamannya di Seri Mutiara di sini.

Zakat yang disumbangkan itu meliputi keseluruhan 14 cawangannya di seluruh negara yang beribu pejabat di Taman Selat, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU).

Pengerusi Bank Persatuan, Datuk Jamal Abdullah berkata, Bank Persatuan menjangka bakal menyerahkan zakat perniagaannya untuk tahun audit yang akan datang sebanyak RM1 juta.

Beliau dalam pada itu turut mengumumkan keuntungan pada tahun 2011 sebanyak RM29.8 juta dengan enam peratus dividen yang telah pun dibayar kepada para pemegang syer.

Tambah Jamal, berdasarkan penyata kewangan berakhir 31 Disember 2011, yang ditafsirkan adalah sebanyak RM1.5 juta mengikut kaedah modal berkembang.

"Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menerima agihan zakat paling tinggi diikuti Kedah dan Perak sebanyak RM150,000.

"Manakala negeri-negeri lain seperti Perlis, Selangor, Kelantan, Pahang, Wilayah Persekutuan dan Melaka masing-masing sebanyak RM50,000," katanya sambil menyatakan bahawa bayaran zakat perniagaan tersebut diagihkan kepada negeri yang memiliki cawangan Bank Persatuan.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Kepada ZPP di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man serta Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait hadir menyaksikan majlis berkenaan.

Turut hadir, Pengurus Besar ZPP, Azman Abdul Samat serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Persatuan.




**ABDUL Rahman Abbas (empat dari kanan) berjabat tangan dengan Jamal Abdullah (empat dari kiri) sambil memegang replika cek pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Kepada ZPP di sini baru-baru ini.**

# Pusat Dialisis CAT dijangka beroperasi Feb. ini

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN & WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BALIK PULAU –** Pusat Dialisis CAT (Cekap, Akauntabel dan Telus) Kerajaan Negeri yang pertama bakal memulakan operasinya pada Februari ini dan hanya menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Kerajaan Negeri yakin pihak kementerian tidak mempunyai halangan bagi meluluskan permohonan mengendalikan pusat dialisis berkenaan atas dasar menjaga kebajikan dan mengurangkan beban para pesakit dialisis.

"Pusat dialisis ini dijangka mula beroperasi sebelum sambutan Tahun Baru Cina Februari ini," katanya baru-baru ini ketika berucap di Majlis Penyampaian Wang Sumbangan Program Anak Emas dan Pelajar Emas Fasa 1/2013 Peringkat Daerah Barat Daya di Dewan Serbaguna Balik Pulau di sini.



PPK Permatang Berangan, Arshad Salleh (kanan sekali) menyerahkan sumbangan kepada wakil salah seorang bayi berdaftar di bawah Program Anak Emas Peringkat Daerah SPU.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain.

Serentak itu, turut diadakan adalah majlis penyampaian sumbangan membabitkan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Timur Laut (sehari sebelum itu).

Justeru, jelas Boon Poh, seorang pakar Nefrologi (buah pinggang) juga akan terlibat dalam operasi pusat dialisis yang terletak di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau itu.

"Sebuah badan amal bukan kerajaan, *Penang Community Chest* yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) telah membantu menubuhkan pusat ini," ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, secara keseluruhan, seramai 23,202 bayi telah berdaftar di bawah Program Anak Emas, manakala, 56,011 pelajar di bawah Program Pelajar Emas sehingga tarikh 8 Januari lalu.

Daripada jumlah itu, seramai 5,266 di bawah Program Anak Emas berdaftar bagi fasa 1 tahun 2013 di seluruh daerah dengan catatan di setiap daerah adalah 1,232 bagi Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya (735), Seberang Perai Utara (1,257), Seberang Perai Tengah (1,451) dan Seberang Perai Selatan (591).



PEGAWAI Penyelaras Kadun (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad (kanan sekali) menyampaikan cek kepada salah seorang penerima sumbangan Program Pelajar Emas Peringkat Daerah Seberang Perai Utara di Dewan Besar Sungai Dua, Tasek Gelugor di sini baru-baru ini.

Bagi Program Pelajar Emas, seramai 22,744 pelajar berdaftar mengikut pecahan Daerah Timur Laut adalah berjumlah 5,092 orang, Daerah Barat Daya (2,147), Seberang Perai Utara (4,556), Seberang Perai Tengah (8,061) dan Seberang Perai Selatan (2,888).

Setiap bayi yang berdaftar di bawah Program Anak Emas menerima RM200 sekali bayar (*one-off*) dan Program Pelajar Emas, RM100 sekali bayar kepada para pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4.

# Festival P. Ramlee sebagai acara tahunan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Festival P. Ramlee yang bertujuan mengingatkan rakyat Pulau Pinang terhadap semangat seniman Allahyarham P. Ramlee bakal dijadikan acara tahunan di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute* (PI), Zairil Khir Johari pada Malam Kemuncak Festival P. Ramlee yang berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Dome Komtar di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri memerhatikan salah satu potret yang dipamerkan pada Pameran Di Mana Kan Ku Cari Ganti.

Zairil dalam ucapannya menyatakan bahawa beliau berikrar akan sedaya-upaya mengembalikan kegemilangan seni dan terus menaikkan martabat nilai seni di Malaysia.

"Kalau di Milan, Itali, rakyat negara terbabit boleh berbangga dengan sasterawan, Leonardo Da Vinci bersama potret Monalisa. Kita di sini juga patut berbangga dengan adanya tokoh kebudayaan seniman agung Allahyarham P. Ramlee," katanya yang turut berterima kasih terhadap semua yang terlibat dalam menjayakan penganjuran terbabit di sini baru-baru ini.

Majlis yang dihoskan Kumpulan Mamu Raja Lawak berkenaan dimulakan dengan tarian *Twist* yang amat popular pada zaman P. Ramlee diikuti persembahan oleh Kumpulan *Artistic Artist*, pemenang Pertandingan Karaoke P. Ramlee dan Orkestra P. Ramlee.

Malah, penampilan khas rakan karib P. Ramlee, Datuk Aziz Satar turut menjadi tumpuan apabila beliau turut diberi kesempatan berbicara serba sedikit mengenai kenangan semasa hayat Allahyarham bersama beliau.

"P. Ramlee sungguh mulia orangnya.

"Walaupun ada ketikanya orang itu tidak suka dengannya sehingga bergaduh, namun beliau tetap ambil orang tersebut berlakon. Sehinggakan dari perasaan benci, telah membuatkan orang tersebut menangis terharu dengan sikap Allahyarham.

"Beliau juga serius ketika bekerja. Selain itu, beliau banyak mencungkil bakat-bakat muda pada ketika itu seperti Nordin Ahmad, Datuk Jins Shamsuddin, Kuswadinata, termasuklah saya sendiri, S.Shamsudin, Ahmad Nisfu, M.Zain dan ramai lagi," ujar Aziz.




PERSEMBAHAN tarian *Twist* yang membuka tirai Malam Kemuncak Festival P. Ramlee di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang turut hadir menegaskan bahawa karya P. Ramlee tidak hanya terbatas pada nyanyian, lakonan, dan penerbitan, malah merentas serta melampaui batasan kaum dalam negara.

"Suka saya ingatkan, karya beliau bukan sahaja untuk orang tua-tua macam saya, tetapi masih malar segar bagi generasi muda pada hari ini," ujar beliau secara seloroh di sini baru-baru ini.

Terdahulu, bertempat di Ruang Legar Tingkat 3, Komtar, sebuah pameran khas mengenangkan penglibatan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee turut diadakan.

Pameran Di Mana Kan Ku Cari Ganti ini berlangsung selama seminggu itu menggamit kembali kenangan penglibatan P. Ramlee dalam dunia seni tanah air.

Turut dipamerkan ialah sepasang pakaian P.Ramlee bersama isteri beliau yang juga seorang biduanita negara iaitu Allahyarhamah Puan Sri Saloma.

# Negeri usaha tambah kekal warga bandaran George Town

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Sebanyak 200 hingga 300 rumah mampu milik yang bakal dibina bawah Rancangan Pembangunan Perumahan Bercampur di atas tanah berkeluasan 4.23 ekar dekat Jalan C.Y. Choy di sini dijangka mampu menambah kekal lagi warga bandaran dalam bandar George Town kelak.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri akan mengiklan cadangan perancangan pembangunan (RFP) kepada khalayak selama dua bulan bermula pada 15 Januari ini bagi merealisasikan impian tersebut.

Beliau berkata, seramai 76 pemilik premis, termasuk penduduk setinggan bermukim di atas tanah tersebut.

Mereka, terdiri oleh 23 pemilik rumah kekal dan sebuah pejabat yang masing-masing mempunyai lesen pendudukan sementara.

Seramai 51 pemilik premis lain tidak mempunyai lesen pendudukan sementara. Mereka, 31 rumah separuh kekal, dua unit Tokong Cina, '*Shrine*' (5), bengkel (12) dan gudang (2).

"(Projek) ini adalah satu usaha serampang dua mata. Satu, mendapatkan semula status penduduk setempat dalam bandar.

"Dan, kedua, menambahkan bilangan unit rumah mampu milik dalam bandar," ujar beliau pada majlis sidang media di Komtar, di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Lau Keng Ee (Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kota) turut hadir.

Sebelum itu, Guan Eng berkata, kesemua pemilik premis lebih 10 tahun lepas, mengadu beberapa masalah malar segar kepada Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN).

Menurut beliau, masalah malar segar yang diabaikan Kerajaan Negeri lama tersebut antaranya adalah tiada sistem perparitan dan pembentungan yang baik sehingga mengundang banjir kilat.

Namun, katanya, masalah itu mendapat perhatian Kerajaan Negeri yang baru, sekarang.




LAU Keng Ee (kanan sekali), Ketua Menteri menerima penjelasan mengenai lokasi projek Pembangunan Perumahan Bercampur dekat Jalan C.Y. Choy daripada Chow Kon Yeow pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, beliau berkata, syarikat-syarikat berwibawa dialu-alukan mengemukakan cadangan perancangan pembangunan (RFP) untuk disaring secara tender terbuka demi membangunkan tanah milik Kerajaan Negeri itu.

Dalam pada itu, Pengurus Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI), S. Bharathi pula memberitahu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) bersedia untuk memajak tanah tersebut selama 99 tahun dengan beberapa terma yang dipersetujui secara bersama syarikat pembida.

"Tanah tersebut tidak boleh dipajakkan bagi tujuan mendapatkan sumber kewangan untuk projek ini dan dilarang digunakan sebagai kolateral bagi sebarang tujuan.

"Tanah ini juga tidak boleh dipajak kecil atau dipindah milik kepada pihak ketiga.

"Pada penghujung tempoh perjanjian (pajakan), pembida perlu mengembalikan keseluruhan hak milik projek kepada CMI tanpa kos," ujar beliau.

Berikut adalah tanggungjawab yang perlu dinyatakan secara terperinci oleh pembida mengenai pulangan kepada Kerajaan Negeri.

1. Pulangan berbentuk kewangan kepada Kerajaan Negeri bagi nilaian tanah untuk tempoh pajakan 99 tahun.
2. Kaedah pengiraan dan penyelesaian penempatan penghuni, setinggan, tokong, bengkel, pejabat dan gudang yang terdapat di atas tanah tersebut.
3. Pulangan lain yang bersesuaian bagi cadangan pembangunan dan pengurusan dikemukakan.
4. Penglibatan kontraktor dan pembekal tempatan, dan
5. Peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan.

"Kerajaan Negeri mengekalkan hak mutlak mengikut budi bicara untuk membatalkan RFP sekiranya sebilangan besar penduduk (asal) menentang pembangunan pembaharuan tapak tanpa sebarang pampasan atau ganti rugi kepada mana-mana pihak," ujar beliau.

RFP tersebut akan diiklankan dalam web Kerajaan Negeri, Sistem e-Perolehan dan akhbar Buletin Mutiara mulai 15 Januari hingga 15 Mac depan.

Pembida yang berminat dikehendaki menghadiri lawatan tapak yang dijadualkan pada Khamis, 31 Januari ini pada jam 10.00 pagi.

### RFP di Jalan S.P. Chelliah

Sementara itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut mengalu-alukan pemaju mengemukakan RFP bagi pembangunan 1,320 LMC dan LC di Jalan S.P. Chelliah di sini.

Pengurus Besarnya, Datuk Rosli Jaafar dalam satu kenyataan media memberitahu, 550 unit rumah adalah pangsapuri rumah kos sederhana rendah (LMC), manakala, baki 770 unit rumah adalah flat rumah kos rendah (LC) di atas 4.47 ekar tanah.

275 LMC berkeluasan minimum 1,000 kaki persegi dijual pada harga RM400,000 seunit.

165 unit MC lain yang berkeluasan minimum 900 kaki persegi dijual pada harga RM300,000 seunit.

110 LMC berkeluasan minimum 800 kaki persegi dijual pada harga RM200,000 seunit.

Manakala, 770 LC berkeluasan 700 kaki bersegi dijual pada harga RM72,500 seunit.

Beliau berkata, RFP dibuka kepada semua syarikat pemaju tempatan melalui tender terbuka dengan modal berbayar tidak kurang daripada RM3 juta, selain RM500,000 deposit dikenakan bagi pihak yang menyatakan hasrat pada di atas tanah yang masih dimiliki Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Dokumen tender boleh dibeli pada harga RM1,000 bermula 17 Januari ini dan mesti diserah sebelum waktu tengah hari pada 18 Februari depan.

## Kawasan tinggalan dibangun sebagai *Pocket Park*



TREK pejalan kaki *Pocket Park* di sini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Bagi membolehkan para pendududk menjalankan aktiviti rekreasi dan riadah, kawasan tinggalan yang sebelum ini merupakan rumah pam tangki septik di Jalan Irrawadi (belakang *AmAssurance* Jalan Burma) di sini telah dibangunkan sebagai sebuah taman mini.

Taman mini bersaiz 341 meter persegi yang berjaya disiapkan pada 3 Januari lalu turut digelar *Pocket Park* dengan keseluruhan belanja RM164,074.90.

Antara yang dibangunkan adalah peralatan senaman, trek joging, kolam air hiasan dan rumput baru. Bekas rumah pam tersebut turut dijadikan pejabat penyelenggaraan kawasan setempat, malah, lampu menggunakan tenaga solar turut dipasang di sini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, pada asalnya, tapak taman tersebut telah lama menjadi kawasan tinggalan sehingga Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengambil tindakan mendirikan *Pocket Park* di sini.

"Inisiatif ini dapat meningkatkan imej Jalan Irrawadi yang sentiasa menjadi tumpuan orang awam," ujar pada Majlis Perasmian *Pocket Park* Jalan Irrawadi di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, sebelum ini, kawasan tersebut kerap berlaku banjir akibat rumah pam yang tidak diselenggara baik.

"Namun kini, saliran longkang telah dialihkan terus ke laut sehingga berjaya menyelesaikan masalah banjir penduduk di sini," ujarnya.

# KM santuni polis mangsa serangan tujuh penjenayah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



KETUA Menteri bersama kepemimpinan Kerajaan Negeri menyerahkan jambangan bunga melalui Azman Abd. Lah (lima dari kanan) di IPD SPT sempena lawatan khas beliau di sini baru-baru ini.

**BUKIT MERTAJAM -** Beberapa anggota polis yang tercedera ketika cuba menghalang tujuh suspek penjenayah daripada meloloskan diri baru-baru ini wajar dihargai seluruh warga Pulau Pinang serta Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, anggota polis telah melakukan pengorbanan besar sungguhpun ketujuh-tujuh suspek penjenayah berjaya meloloskan diri dengan merampas van polis di Lebuhraya Luar Butterworth yang dalam perjalanan ke mahkamah masih belum ditangkap kembali kesemuanya.

Malah, beliau berkata, Kerajaan Negeri akan terus menyokong usaha murni Polis Diraja Malaysia (PDRM) memerangi jenayah demi merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat di negeri berkenaan.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, tentunya kita sangat menghargai usaha dan sumbangan polis (PDRM) kerana semasa perayaan (detik) tahun baru 2013, ia berjalan lancar tanpa insiden yang tidak diingini.

"Apabila polis menjalankan tindakan (penguatkuasaan) ke atas penjenayah, tentunya perkara yang tidak diingini seumpama ini menjadi keprihatian oleh orang awam," ujar beliau ketika mengadakan lawatan khas ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah (SPT) dekat Badar Perda, di sini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Chong Eng (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Tan Cheong Heng (Ahli Dewan Undagan Negeri Padang Lalang) dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut menyertai delegasi Kerajaan Negeri tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut mengirim empat jambangan bunga lengkap bersama buah-buahan kepada anggota-anggota polis berkenaan melalui Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Azman Abd. Lah sebagai menghargai keperwiraan mereka.

Beliau berkata, Seberang Perai Tengah (SPT) diakui sebagai daerah mempunyai kadar kes jenayah paling tinggi berbanding empat daerah lain di negeri berkenaan.

Pun begitu, beliau berkata, kadar jenayah kian menurun hasil kerjasama Kerajaan Negeri dengan PDRM serta badan-badan penguatkuasa setempat lain seperti Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dan kepolisan kemasyarakatan.

"Dengan komitmen ditunjukkan polis, saya berharap Pulau Pinang boleh terus dijadikan sebagai negeri paling selamat di Malaysia seperti yang kita boleh lihat dalam lebih empat tahun (sejak Mac 2008) di mana Pulau Pinang mencatatkan pengurangan kadar jenayah lebih besar di Malaysia," ujar beliau.

## Pelan Pengurusan Krisis jamin kesinambungan urusan



PARA penyelamat bertungkus-lumus menyelamatkan 'mangsa-mangsa' yang terperangkap dalam koc furnikular pada Sesi Latihan Kecemasan Pelan Tindakan Kecemasan PBBPP di sini baru-baru ini.

**CEMAS...** Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) baru-baru ini menjalankan sesi latihan kecemasan melibatkan Pelan Tindakan Kecemasan ketika terjadinya bencana atau kerosakan koc furnikular.

Matlamat latihan tersebut adalah untuk menilai dan meningkatkan tahap kesinambungan Pelan Pengurusan Krisis dan kesiapsiagaan PBBPP dalam mengendalikan dan menguruskan situasi cemas.

Latihan kali ketiga tersebut lebih memberi tumpuan kepada pemindahan 'mangsa' yang terlibat dalam bencana atau kerosakan koc furnikular.

Antara yang terlibat adalah Pasukan Bomba dan Penyelamat Paya Terubong, Bomba Sukarela Air Itam, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Lebuh Peel, pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Air Itam, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dan Persatuan Penduduk Bukit Bendera.

# 1.2 juta kunjungi Bukit Bendera tahun 2012

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT BENDERA –** Selain pengenalan sistem keretapi baru furnikular, penambahbaikan fasiliti seperti ruang legar luas, astaka yang selesa dan keunikan flora, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) yakin penambahan pengunjung pada tahun 2012 menjadi kayu pengukur terhadap kepesatan pembangunan pelancongan di negeri ini.

Pengurus Besarnya, Maklen Ali berkata, peningkatan pengunjung mula dicatatkan menjelang tahun 2011 iaitu 693,590 pengunjung apabila sistem keretapi furnikular mula beroperasi pada Mei tahun sama.

Menurutnya, tahun lalu, Bukit Bendera melakar sejarahnya tersendiri apabila berjaya merekodkan kedatangan pengunjung tertinggi iaitu 1,204,739, dua kali ganda lebih tinggi berbanding 461,247 pengunjung (2007), 509,735 (2008) dan 442,154 (2009), ketika masih menggunakan sistem kereta kabel.

"Ini adalah bersamaan dengan purata penumpang sebanyak 86,698 setiap bulan pada 2011.

"Bagi 2012, jumlah pengunjung meningkat sebanyak 13.6 peratus menjadikan jumlah 100,394 setiap bulan di mana 23.3 peratus adalah pengunjung dari luar negara," katanya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.



MAKLEN Ali.

Katanya, penambahan jumlah kedatangan pengunjung tersebut adalah disebabkan pengenalan sistem baru keretapi furnikular dan populariti Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan yang semakin melonjak naik.

Laporan Ketua Audit Negara pada 2011 menunjukkan maklum balas pengunjung ke Bukit Bendera adalah memuaskan dan baik mengikut peratusan spesifikasi seperti kebersihan (92.9 peratus), kelajuan (88.5 peratus), keselamatan (98.2 peratus), kemudahan untuk orang kurang upaya, OKU (92.2 peratus), harga tiket (95.6 peratus) dan keramahan kakitangan (98.2 peratus).

"Pada 2012, PBBPP berjaya mencapai tahap 98.98 peratus masa operasi, iaitu bersamaan dengan 6,321 jam berbanding sasaran PBBPP iaitu sebanyak 95 peratus.

"Tahun sebelumnya, PBBPP berjaya mencapai 99.2 peratus iaitu 4,076 jam masa operasi, kerana sistem baru keretapi furnikular hanya bermula pada Mei 2011," ujarnya.

Maklen memberitahu, bagi tahun 2013, PBBPP mengunjurkan kehadiran lebih ramai pengunjung iaitu mencapai sasaran 1.5 juta pengunjung.

"Oleh demikian, bagi memastikan PBBPP dapat terus mencapai matlamat dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap, selesa dan berdaya saing kepada pengunjung, PBBPP komited dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala.

"Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan ialah pemeriksaan dan ujian pada keretapi furnikular, landasan, sistem mekanikal elektrikal serta kesediaan Pelan Tindakan Kecemasan oleh PBBPP," jelas Maklen.

Hadir sama, Pengurus Operasi PBBPP, Mohd. Firdaus Ibrahim dan jurutera PBBPP, Datuk Ir. Ang Choo Hong.

# PENCAPAIAN EXCO PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI, PEMBANGUNAN LUAR BANDAR & TEBATAN BANJIR, Y.B. LAW CHOO KIANG.



Y.B. Law Choo Kiang.

## LAPORAN KEMAJUAN PENGELUARAN HASIL & PENDAPATAN BAGI KOMODITI PADI, BUAH & SAYUR.

### PADI

| Tahun | Pendapatan (RM) | Purata Hasil (Tan/ha) | Purata Pendapatan Petani (RM) Bulan |
|---|---|---|---|
| 2005 | 95,105,473.38 | 4.17 | 1344.89 |
| 2006 | 102,821,000.00 | 4.48 | 1441.28 |
| 2007 | 108,028,000.00 | 4.71 | 1517.33 |
| 2008 | 143,861,857.50 | 4.7 | 2016.57 |
| 2009 | 166,043,904.00 | 5.2 | 2327.5 |
| 2010 | 177,768,364.80 | 5.57 | 2491.85 |
| 2011 | 180,769,425.00 | 5.66 | 2533.91 |

Sumber : Jabatan Pertanian Pulau Pinang.




PURATA HASIL PADI (TAN/HA).
Purata keluasan usaha bagi seorang petani : 2.15 ha
Kawasan sawah padi = 83%




NILAI PENGELUARAN HASIL PADI (RM JUTA).

### SAYUR-SAYURAN

| Tahun | Nilai Pengeluaran (RM) | Purata Pendapatan Petani (RM) Bulan |
|---|---|---|
| 2006 | 56,269,033.23 | 5,360.43 |
| 2007 | 46,030,450.70 | 5,440.95 |
| 2008 | 58,564,760.00 | 5,789.32 |
| 2009 | 66,088,000.00 | 6,525.28 |
| 2010 | 67,157,124.00 | 6,808.31 |
| 2011 | 73,576,746.00 | 7,983.59 |

Sumber : Jabatan Pertanian Pulau Pinang.




NILAI PENGELUARAN SAYUR-SAYURAN (RM JUTA).




PURATA PENDAPATAN PETANI SAYUR-SAYURAN (RM) BULAN.

### BUAH-BUAHAN

| Tahun | Nilai Pengeluaran (RM) | Purata Pendapatan Petani (RM) Bulan |
|---|---|---|
| 2006 | 192,864,227.13 | 1,986.47 |
| 2007 | 206,182,331.00 | 2,144.21 |
| 2008 | 200,729,887.50 | 2,009.55 |
| 2009 | 220,038,589.90 | 2,159.53 |
| 2010 | 256,154,391.00 | 2,595.28 |
| 2011 | 256,379,281.00 | 2,559.90 |

Sumber : Jabatan Pertanian Pulau Pinang.




NILAI PENGELUARAN BUAH-BUAHAN (RM JUTA).




PURATA PENDAPATAN PETANI BUAH-BUAHAN (RM) BULAN.

## PENGELUARAN & NILAI PENGELUARAN IKAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2006-2011 (TAN METRIK).

| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Tangkapan | 33,112 tm | 37,773 tm | 43,627 tm | 41,044 tm | 43,657 tm | 63,859 tm |
| Akuakultur | 17,306 tm | 18,152 tm | 15,136 tm | 26,256 tm | 38,079 tm | 41,531 tm |

Sumber : Jabatan Perikanan Pulau Pinang.




TANGKAPAN.




AKUAKULTUR.




LAW Choo Kiang (kanan) menunjukkan telur sifar antiobiotik yang dihasilkan Syarikat SHH Poultry Sdn. Bhd. dan memperoleh pengiktirafan Kerajaan Negeri.

## PENGELUARAN & NILAI PENGELUARAN IKAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2006-2011 (RM JUTA).

| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tangkapan** | 196.01 juta | 218.93 juta | 252.44 juta | 237.86 juta | 322.62 juta | 451.59 juta |
| **Akuakultur** | 94.37 juta | 95.49 juta | 59.13 juta | 235.65 juta | 302.83 juta | 456.66 juta |

Sumber : Jabatan Perikanan Pulau Pinang.




TANGKAPAN




AKUAKULTUR

## SUNTIKAN FMD TAHUN 2012 NEGERI PULAU PINANG.

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang telah menetapkan sasaran suntikan FMD sebanyak 85% daripada populasi ternakan lembu.**

| Bil. | Daerah | Populasi Lembu | Sasaran Suntikan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Seberang Perai Selatan | 4722 | 4013 | 5364 |
| 2. | Seberang Perai Tengah | 3582 | 3044 | 2253 |
| 3. | Seberang Perai Utara | 4801 | 4080 | 2655 |
| 4. | Daerah Barat Daya | 1094 | 1000 | 780 |
| 5. | Daerah Timur Laut | 397 | 337 | 343 |
| | **Jumlah** | **14596** | **12474** | **11362** |

| Tahun | Pencapaian | Peratusan (daripada sasaran) |
|---|---|---|
| 2010 | 5399 | 43.3 |
| 2011 | 5288 | 42.3 |
| 2012 | 11326 | 90.3 |

Sumber Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

## PENCAPAIAN SUNTIKAN VAKSIN FMD NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2012 BERBANDING SASARAN 85% YANG DITETAPKAN.




## PROJEK – PROJEK TEBATAN BANJIR YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPENUHNYA & SEBAHAGIANNYA SEDANG DALAM PEMBINAAN.

| Bil. | Daerah | Projek | Peruntukan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | SPT | Menaiktaraf Rumah Pam Taman Chai Leng | 558,620.00 |
| 2 | SPT | Rancangan Tebatan Banjir : Taman Makok | 3,566,360.00 |
| 3 | SPT | Rancangan Tebatan Banjir : Taman Desa Damai | 8,296,249.61 |
| 4 | SPT | Naiktaraf Parit Kampung Kijang | 41,800.00 |
| 5 | SPT | Naiktaraf Parit Taman B, Bukit Mertajam | 300,000.00 |
| 6 | SPT | Naiktaraf Parit Kebun Sireh | 234,000.00 |
| 7 | SPT | Rancangan Tebatan Banjir Taman Remia, Machang Bubok | 1,876,301.00 |
| 8 | SPT | Naiktaraf Sistem Saliran Taman Sejahtera, Alma | 912,963.00 |
| 9 | SPT | Naiktaraf Longkang Kampung Kota | 91,000.00 |
| 10 | SPS | Bina Rumah Pa/Pintu Air Parit D1, Tambun | 2,000,000.00 |
| 11 | SPS | Rancangan Tebatan Banjir : Kampung Valdor | 290,000.00 |
| 12 | SPS | Naiktaraf Sistem Saliran Taman Lima Kongsi | 100,000.00 |
| 13 | SPS | Naiktaraf Sistem Saliran Pekan Sungai Kecil | 400,000.00 |
| | SPS | Naiktaraf Parit Taman Jawi | 250,000.00 |
| 15 | SPS | Bina Rumah Pam di Kampung Jawi | 200,000.00 |
| 16 | SPS | Naiktaraf Sistem Saliran Taman Nibong Tebal | 1,364,540.00 |
| 17 | DTL | Naiktaraf Sistem Saliran Kg Makau Suah, Sungai Bakap | 200,000.00 |
| 18 | DTL | Rancangan Tebatan Banjir Jalan Barrack (Parit N-12) | 2,596,080.00 |
| 19 | DTL | Pembinaan Kolam Takungan Jalan Lim Eow Tun | 400,000.00 |
| 20 | DTL | Naiktaraf Sistem Saliran Cangkat Minden | 1,686,020.00 |
| 21 | DBD | Naiktaraf Parit Kampung Sungai Nibong Tengah | 1,119,000.00 |
| 22 | DBD | Pembinaan Rumah Pam Teluk Kumbar | 400,000.00 |
| 23 | SPU | Pembinaan Parit Lencongan Kg Bagan Jermal | 790,000.00 |
| 24 | SPU | Naiktaraf Saliran Tepi Jalan Kampung Selamat, Tasik Gelugor | 165,000.00 |
| 25 | SPU | Naiktaraf Sistem Saliran Belakang SRJK Kwang Hwa | 1,313,000.00 |
| | | **Jumlah** | **29,150,933.00** |

## NILAI HASIL SARANG BURUNG WALIT BAGI TAHUN 2009-2011 PULAU PINANG.




## PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) YANG SEDANG DILAKSANAKAN & SEBAHAGIAN DALAM PROSES AKHIR PENGELUARAN TENDER.

| Bil. | Daerah | Projek | Peruntukan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | SPT | Naiktaraf Sistem Saliran Jalan Seladang, Alma | 385,000.00 |
| 2. | SPT | Rancangan Tebatan Banjir Taman Sri Jaya/ Taman Sungai Rambai | 250,000.00 |
| 3. | SPT | Rancangan Tebatan Banjir Kawasan Alma (Tadahan Sungai Junjung Mati) | 6,360,000.00 |
| 4. | SPS | Rancangan Tebatan Banjir Taman Sempadan, Nibong Tebal | 750,000.00 |
| 5. | SPS | Naiktaraf Sistem Parit Taman Tangling | 450,000.00 |
| 6. | DTL | Pembinaan Jambatan Arch Di Jalan Sungai Dua | 3,816,580.00 |
| 7. | DBD | Penyediaan Pelan Induk Sistem Saliran Daerah Barat Daya | 485,187.75 |
| | | **Jumlah** | **12,496,767.75** |

## BILANGAN MANGSA BANJIR YANG DIPINDAHKAN KE PUSAT-PUSAT PEMINDAHAN DARI TAHUN 2007 – 2012.

| TAHUN | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| DAERAH TIMUR LAUT | 0 | 38 | 0 | 0 | 0 | 0 | 38 |
| DAERAH BARAT DAYA | 35 | 26 | 0 | 1 | 6 | 12 | 80 |
| SEBERANG PERAI UTARA | 0 | 163 | 232 | 0 | 0 | 0 | 395 |
| SEBERANG PERAI SELATAN | 1979 | 32 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2011 |
| SEBERANG PERAI TENGAH | 0 | 94 | 158 | 0 | 0 | 0 | 252 |
| JUMLAH | 2014 | 353 | 390 | 1 | 6 | 12 | 2776 |

Sumber Jabatan Kebajikan Masyarakat.

## PROGRAM BANTUAN RUMAH RAKYAT MISKIN & MISKIN TEGAR KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (BAIKI & BINA BARU).

| Daerah / Tahun | 2008 (unit) | 2009 (unit) | 2010 (unit) | 2011 (unit) | 2012 (unit) | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Daerah Timur Laut** | 8 | 6 | 10 | 6 | 2 | 32 |
| **Daerah Barat Daya** | - | 25 | 28 | 22 | 24 | 99 |
| **Seberang Perai Utara** | 4 | 24 | 15 | 29 | 29 | 101 |
| **Seberang Perai Tengah** | - | 20 | 19 | 32 | 48 | 119 |
| **Seberang Perai Selatan** | - | 16 | 22 | 22 | 26 | 86 |
| **JUMLAH** | **12** | **91** | **96** | **111** | **129** | |

Sumber Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang.




JUMLAH RUMAH YANG TELAH DI BAIK PULIH & BINA BARU KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (UNIT).




JUMLAH RUMAH YANG TELAH DI BAIK PULIH & BINA BARU KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (UNIT) DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012.




BILANGAN MANGSA BANJIR YANG DIPINDAHKAN KE PUSAT-PUSAT PEMINDAHAN DARI TAHUN 2007 - 2012.



WONG Hon Wai.

# RUMUSAN PENCAPAIAN EXCO PERANCANGAN BANDAR & DESA, PERUMAHAN DAN KESENIAN, WONG HON WAI MERANGKAP ADUN AIR ITAM.

## PERANCANGAN BANDAR & DESA

1) Memartabatkan institusi Lembaga Rayuan. Lembaga Rayuan Pulau Pinang merupakan model dan rujukan kepada Lembaga Rayuan lain-lain negeri.

(i) Perubahan polisi dengan melantik ahli-ahli panel Lembaga Rayuan dari kalangan ahli-ahli professional dan akademik yang tiada latar belakang politik sebagai Lembaga yang bebas, adil serta saksama.

(ii) Bilik Persidangan Lembaga Rayuan dirasmikan pada Disember 2012 untuk memberi keselesaan kepada persidangan Lembaga Rayuan yang selama ini tiada bilik persidangan khas.

(3) Penerbitan Jurnal Lembaga Rayuan buat pertama kali untuk menjilidkan keputusan-keputusan Lembaga Rayuan (1991 – 1993) bagi menyampaikan maklumat kepada pengawal undang-undang, tuan tanah, ahli professional, pemaju dan orang awam.

2. Pengurusan perancangan bandar dan desa melalui kajian, rundingan dengan orang ramai, publisiti perancangan strategik untuk masa depan jangka panjang negeri Pulau Pinang :

(i) *George Town World Heritage Site Special Area Plan.*
(ii) *Penang Botanical Garden Special Area Plan.*
(iii) *Penang Hill Special Area Plan.*
(iv) Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang.




SAMBUTAN Festival George Town.



SALAH satu sambutan kebudayaan yang turut dihadiri Yang Dipertua Negeri.

## PERUMAHAN

1. Pelancaran Dana Skim Perumahan Mampu Milik .

- Kerajaan Negeri memperuntukkan dana RM500 juta untuk tempoh lima (5) tahun bagi merealisasikan Skim Perumahan Mampu Milik. Sebelum ini, tiada peruntukan sedemikian di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN).

2. Bekalan Rumah Mampu Milik Yang Stabil.

- Dasar Kerajaan Negeri terhadap pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah mencatatkan 14,702 unit rumah memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki dari Mac 2008 hingga Julai 2012.
- Untuk bekalan masa depan, sebanyak 15,246 unit rumah telah diluluskan Kebenaran Merancang dari tempoh Mac 2008 hingga Julai 2012.

3. Pembinaan Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

- Kerajaan Negeri memperuntukkan tanah seluas 277 ekar dan sedang dalam perancangan membina sebanyak 18,000 unit rumah mampu milik di kelima-lima daerah iaitu di Jalan S.P. Chelliah (George Town, DTL), Teluk Kumbar (DBD), Ampang Jajar (SPU), Bukit Mertajam (SPT), Juru (SPT) dan Batu Kawan (SPS).

4. Menaiktaraf Sistem Maklumat Permohonan Perumahan Negeri melalui :

(i) Pelancaran e-rumah membolehkan permohonan dan semakan dibuat melalui talian.

(ii) Perkongsian data di antara Bahagian Perumahan, MPPP / MPSP dan PTG dengan mewujudkan satu sistem perkongsian data menggunakan *single login* untuk membuat semakan data pemilikan hartanah melalui sistem eRumah. Melalui semakan sebegini, Bahagian Perumahan boleh membuat tapisan dan semakan status hartanah para pemohon.

(iii) Pengemaskinian data permohonan perumahan dalam Sistem Perumahan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan penawaran rumah kos rendah/ kos sederhana rendah diberikan kepada pemohon yang benar-benar berminat dan menepati kelayakan. Jumlah permohonan aktif pada akhir tempoh pengemaskinian data 31 Mac 2012 adalah sebanyak 25,183 meliputi semua daerah.

5. Bantuan Penyelenggaraan Perumahan Awam Sedia Ada.

- Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10 juta dari tahun 2009 (setiap tahun) untuk menaiktaraf rumah-rumah yang diselenggara Kerajaan Negeri.
- Bajet sebelum tahun 2008 di bawah BN hanyalah berjumlah RM1 juta setiap tahun.



MERASMIKAN lif baru di Flat Gat. Lebuh Nordin.

- Ini melibatkan 45 projek dengan jumlah 15,000 unit rumah.
- Antara projek naiktaraf yang dijalankan ialah pengecatan semula di Flat Kampung Melayu, Padang Tembak, projek menukar lif baru di Flat Gat Lebuh Nordin, Padang Tembak, Kampung Melayu, projek naiktaraf sistem pembentungan di Desa Jawi.



PETI-peti surat baru di Flat Kampung Melayu.



WAJAH baru Flat Kampung Melayu yang telah siap dicat dan dinaiktaraf.

6. Bantuan Penyelenggaraan Perumahan HAPPY!



FLAT Rifle Range yang dicat semula.

- Kerajaan Negeri pada 15 Ogos 2012 telah memperkenalkan Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang atau *Housing Assistance Programme Of Penang, Yes!* (HAPPY!).
- Peruntukan HAPPY! diwujudkan untuk menampung Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) yang memperuntukkan kos sebanyak 90% bagi rumah kos rendah dan 70% bagi rumah kos sederhana rendah swasta. Manakala baki 10% / 30% ditampung oleh penduduk.
- Melalui HAPPY! Kerajaan Negeri akan menampung baki 10% bagi rumah kos rendah dan 30% bagi rumah kos sederhana rendah.
- Sebanyak RM50 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan program HAPPY!.

7. Pemulihan Projek Terbengkalai.

- Kerajaan Negeri berusaha gigih serta bekerjasama dengan pemaju *white knight* dan agensi-agensi kerajaan untuk menghidup dan memulihkan semula projek-projek terbengkalai melebihi 10 tahun semasa pemerintahan BN.



LAWATAN ke tapak perumahan mampu milik di Nibong Tebal, SPS.

- Antara projek-projek yang dipulihkan dan memberi berita baik kepada beribu-ribu pembeli yang telah menunggu lama rumah idaman mereka adalah :

(i) Taman Cemerlang, Bandar Baru Air Itam, DTL
(ii) Desa Aman, Relau, DTL
(iii) *Fettes Villa*, Mount Erskine, DTL
(iv) Taman Teluk Air Tawar, Teluk Air Tawar, SPU
(v) Taman Pekatra Indah, Simpang Ampat, SPS

8. Untuk skim penyewaan, Kerajaan Negeri telah membaiki unit-unit yang terbiar kosong dan disewa kepada individu memerlukan dengan bayaran sewa yang murah.

- Antaranya, 170 unit di Blok E dan J Flat Padang Tembak; 40 unit asrama di Taman Pelangi, George Town dan unit-unit di Ampang Jajar serta Desa Wawasan.




PERUMAHAN mampu milik, Desa Nipah di Balik Pulau.

## KESENIAN

1. Membuka lembaran baru bagi Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang dengan :

(i) Tambahan bangunan dan ruang pameran baru di Cawangan No. 57, Jalan Macalister berkeluasan 13, 418 kaki secara pajakan selama 30 tahun (dari tahun 2010 hingga 2040).
(ii) Peningkatan prestasi pengurusan kewangan dari 2 Bintang (tahun 2008) kepada 3 bintang (Baik) (2011) bagi '*Star Rating*'.
(iii) Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2011, peningkatan 16.47% dalam Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti.
(iv) Pameran Koleksi Tetap yang julung kali dianjurkan sejak penubuhan pada 1964 dengan mempamerkan 578 lukisan.
(v) Terdapat peningkatan jumlah pengunjung ke Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang. Pada tahun 2011, Muzium dan Balai Seni Lukis telah menerima melebihi 77,000 pengunjung (berbanding 46,000 pada tahun 2007).



ANTARA bahan pameran di Muzium dan Balai Seni Lukis.

2. Memulakan penganjuran *George Town Festival* pada tahun 2009 dengan pelbagai aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan. George Town Festival telah menjadi festival bertaraf antarabangsa dan dianjurkan setiap tahun bermula 2009 hingga 2012.

3. Melancarkan inisiatif *street art* dengan *Bangun Project* di *Chew Jetty, Mirrors of Georgetown (murals), Marking George Town* dan *street sculpture*. Projek kesenian ini mendapat sambutan hangat warga tempatan, pelancong tempatan dan asing.

4. Penubuhan *Penang Philharmonic* dengan menggantikan *Penang State Symphony & Chorus* (PESSOC) dengan penganjuran pelbagai aktiviti muzik dan orkestra.

- Pada tahun 2012, *Penang Philharmonic* telah menampilkan 11 persembahan konsert dan berjaya menarik penyertaan lebih 8,000 peminat muzik.



PERSEMBAHAN *Penang Philharmonic.*

**PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN / REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut :-

TAJUK : REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TAMAN HERBA PULAU PINANG

TARIKH DIBUKA : 30 NOVEMBER 2012

TARIKH DITUTUP : 28 FEBRUARI 2013

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai 30 November 2012.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "Pembangunan dan Pengurusan Taman Herba Pulau Pinang". Cadangan lengkap hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengahari pada 28 Februari 2013 kepada:-

**Sekretariat,**
**Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI),**
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,**
**Tingkat 47, KOMTAR,**
**10503 Pulau Pinang.**

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

# Negeri capai lebihan kewangan sejak 2008 – Steven Sim

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



STEVEN Sim Chee Keong.

**GEORGE TOWN -** Pemuda Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang dianggap 'jahil ekonomi' gara-gara Naib Pengerusinya, Tan Hing Teik memberi amaran kepada Kerajaan Negeri kononnya akan muflis ekoran melakukan bajet defisit dua tahun sebelumnya.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Steven Sim Chee Keong berkata, Hing Teik sebenarnya tidak dapat membezakan antara bajet yang diunjurkan dengan bajet sebenar.

"Hing Teik jelas tidak boleh membezakan antara bajet yang diunjurkan dan yang sebenar.

"Sejak 2008, walaupun mengunjurkan defisit, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang telah berjaya mencapai lebihan belanjawan sebenar setiap tahun," ujar beliau dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Kenyataannya itu sebagai reaksi pada tuduhan Hing Teik sebagaimana dipetik dalam sesawang *Malaysiakini.com* pada 9 Januari lepas.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri masih memperoleh lebihan kewangan tiap-tiap tahun sejak tahun 2008 sungguhpun mengamalkan bajet defisit.

Menurut beliau, sebanyak RM88 juta lebihan kewangan diperoleh pada tahun 2008, diikuti RM77.34 juta (2009), RM33.54 juta (2010) dan RM138.32 juta (2011).

Baginya, rekod cemerlang itu disebabkan pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang mengamalkan urus tadbir secara berjimat cermat serta bersih.

"Hasil negeri sebenarnya meningkat sekitar 26 peratus hingga 56 peratus setahun daripada hasil unjuran.

"(Kerajaan Negeri) berjaya mengurangkan 95 peratus hutang negeri daripada RM630.13 juta pada tahun 2008 kepada hanya RM29.66 juta kini.

"(Kerajaan Negeri) berjaya menyelamatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari kebankrapan... simpanan dan peningkatan hasil disalurkan kembali kepada rakyat melalui program seperti Penghargaan Warga Emas, Ibu Tunggal, Skim Pelajar Emas, Program Anak Emas, Program Bantuan OKU dan lain-lain.

"(Kerajaan Negeri) mengagihkan RM12 juta setahun kepada sekolah-sekolah di Pulau Pinang...negeri pertama di Malaysia untuk mencapai sifar kemiskinan tegar dan adalah pada cara untuk menjadi sebuah negeri kemiskinan sifar pada tahun 2013," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, beliau turut mengungkit rekod kegagalan urus tadbir Kerajaan Negeri era BN sehingga mengakibatkan MPSP mengalami defisit belanjawan berjumlah RM230 juta selama lapan tahun berturut-turut.

"Pada masa (BN menguasai Kerajaan Negeri), Pulau Pinang benar-benar mengalami defisit bajet yang sebenar, bukan defisit bajet yang diunjurkan (seperti sekarang)," tegasnya.

## RM2 juta bangun rekreasi Teluk Bahang

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**ABDUL Halim Hussain (kanan sekali) berjabat tangan dengan dif-dif jemputan pada penganjuran Bengkel LFA- Kaedah Logical Framework Analysis Kawasan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.**

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang http://ep.penang.gov.my/ mulai **15 Disember 2012.**
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "Pembangunan Perkhidmatan Kereta Kabel Di Kuil Hilltop Waterfall, Pulau Pinang". Cadangan lengkap hendaklah dihantar pada atau sebelum **jam 12.00** tengahari pada **15 Februari 2013** kepada:

**Sekretariat,**
**Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang,**
**Tingkat 30, KOMTAR,**
**10503 Pulau Pinang**

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan dan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi

# Tender terbuka jimat kos naiktaraf Bukit D.O.

**BUKIT MERTAJAM –** Peruntukan projek menaiktaraf Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. yang diluluskan sebanyak RM2 juta berjaya dikurangkan hasil perlaksanaan tender terbuka oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di sini baru-baru ini.

Pengerusi PBAPP yang juga Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, setelah melalui tender terbuka, kos sebenar yang diperlukan hanyalah RM1.147 juta.

"Penender berjaya adalah syarikat Gemilang Jaya Impian Enterprise," katanya pada Majlis Perasmian Pecah Tanah Penaiktarafan Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif; dan Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa.

Kata Guan Eng, penaiktarafan taman rekreasi dengan keluasan 4.1 hektar tersebut merupakan salah satu daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah kelolaan MPSP.

"Fasa pertama yang bakal siap pada 31 Mac ini merangkumi komponen penyediaan serta penaiktarafan laluan pejalan kaki, joging, berbasikal, dewan, tandas awam dan tempat letak kereta serta motosikal.

"Manakala fasa kedua adalah merangkumi komponen penyediaan laluan joging, *jungle track*, gelanggang serbaguna, tapak dan peralatan senaman serta landskap yang bakal disempurnakan pada 1 Julai ini," jelasnya.

Tambah beliau, projek berkenaan dijangka bakal memberi manfaat kepada lebih 227,000 penduduk sekitar untuk beriadah dan bersenam.



Sebelum.




LAKARAN artis tandas Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. yang bakal dinaiktaraf di sini.







LAKARAN artis dewan terbuka yang baru.


**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**
**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN**

Tawaran ini dibuka kepada Penaja Projek yang terdiri daripada syarikat tempatan untuk menyertai Permintaan untuk Cadangan (Request For Proposal - RFP) seperti berikut:-

TAJUK : **CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH KERAJAAN NEGERI PT 330, SANDILAND FORESHORE, JALAN C.Y. CHOY, SEKSYEN 11E, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

TARIKH DIBUKA : **15 JANUARI 2013 (SELASA)**

TARIKH DITUTUP : **15 MAC 2013 (JUMAAT)**

Penaja Projek DIKEHENDAKI menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:
TARIKH : **31 JANUARI 2013 (KHAMIS)**
JAM : **10.00 PAGI**
TEMPAT : **PT 330, SANDILAND FORESHORE, JALAN C.Y. CHOY, SEKSYEN 11E, BANDAR GEORGE T OWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di *http://www.penang.gov.my/* dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang *http://ep.penang.gov.my/* **mulai 15 Januari 2013.**

Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan Pengurusan Tanah Kerajaan Negeri PT 330, Sandiland Foreshore, Jalan C.Y. Choy, Seksyen 11E, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Cadangan lengkap tersebut hendaklah di-hantar **sebelum 12.00 tengah hari** pada **15 Mac 201**3 kepada :

Sekretariat,
**Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI),**
**Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia.**

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.


## *MPSP Green Ride* promosi laluan pejalan kaki & basikal

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT PANCHOR –** Kira-kira 200 peserta mengambil bahagian dalam penganjuran *MPSP Green Ride* bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sebagai inisiatif mempromosikan amalan gaya hidup sihat di sini baru-baru ini.

Di samping itu, program anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak tahun lalu juga bertujuan memupuk kepentingan penjagaan alam sekitar dan mempromosikan laluan pejalan kaki serta basikal di seluruh daerah Seberang Perai di sini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (depan, kiri) mengetuai kayuhan *MPSP Green Ride* bagi daerah SPS di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran tersebut, para peserta yang turut serta adalah terdiri dari Pasukan Berbasikal Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, *LP Mountain Bike*, Tasek Gelugor Riders dan Pasukan Berbasikal MPSP.

Para peserta terpaksa mengharungi perjalanan sejauh 20.5 kilometer bermula dari Taman Negeri Bukit Panchor melalui Jalan P148 (Jalan Sungai Kechil), Jalan P146 (Jalan Sungai Kechil), Jalan P144 dan transit di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum berpatah balik melalui jalan sama dan berakhir di lokasi pelepasan.

Turut serta, Yang diPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

# Malakoff kumpul dana untuk tujuan amal

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**LYDIA Ong Kok Fooi (depan, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama wakil pertubuhan-pertubuhan kebajikan bersempena penganjuran program Malakoff 2012/2013 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kayuhan amal membabitkan jarak 260 kilometer, *Malakoff Interstate Fellowship Ride 2012/2013* (Malakoff) merentas tiga negeri berjaya mengumpul dana sejumlah RM50,000 bagi disumbangkan kepada beberapa pertubuhan kebajikan di sini baru-baru ini.

Uniknya, penganjuran program disertai 1,100 peserta tersebut diadakan dalam tempoh dua hari bermula 31 Disember lalu sebagai membuka tirai tahun baru 2013.

Malah, sejak program terbabit mula diperkenalkan pada tahun 2009/2010, jumlah dana yang berjaya dikumpul sehingga kini adalah berjumlah RM170,000.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi yang hadir pada upacara penyampaian sumbangan replika cek berkata, menerusi Malakoff, pelbagai organisasi dan pertubuhan kebajikan berjaya dibantu.

"Sepanjang empat tahun acara ini diadakan, pelbagai pertubuhan berjaya dibantu antaranya, St. John Ambulans, Persatuan Kebangsaan Autisme Negara dan Pusat Remaja Bahnhof Pulau Pinang," ujarnya semasa merasmikan penutupan Malakoff di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Kok Fooi turut menyampaikan kutipan dana masing-masing berjumlah RM25,000 kepada Pertubuhan Moralis Pulau Pinang dan Pertubuhan Penyayang Chi Yun, Bukit Mertajam.

Pertubuhan Penyayang Chi Yun, Bukit Mertajam diwakili Michelle Khaw manakala Pertubuhan Moralis Pulau Pinang, Seng Chee Peng.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Malakoff, Zainal Abidin Jalil berkata, sejak kayuhan sulung Malakoff diperkenalkan pada tahun 2009/2010, penyertaan serta sambutan daripada masyarakat seluruh negeri adalah amat menggalakkan.

"Pencapaian para peserta adalah luar biasa, saya pasti mereka mendapat pengalaman yang sukar dilupakan dan secara tidak langsung membentuk satu bon persahabatan di antara satu sama lain.

"Terima kasih kepada pihak penganjur dan agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Delta, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di atas sokongan menjayakan kayuhan amal Malakoff saban tahun," ujarnya.

# 5,000 sertai *City Walk 1.1.13*




**PATAHIYAH Ismail (depan, bertudung) bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para peserta turut serta melakukan senamrobik bersama kira-kira 5,000 peserta program *City Walk 1.1.13* di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Luar jangkaan! Penganjuran sulung *City Walk 1.1.13* yang memperoleh penyertaan kira-kira 5,000 peserta bakal dijadikan program tahunan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam usaha mempromosikan gaya hidup sihat di sini.

Makluman tersebut diumumkan Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail pada majlis pelancaran program yang diadakan sempena menyambut kehadiran Tahun Baru 2013 di sini baru-baru ini.

Katanya, pada peringkat awal, pihaknya hanya mensasarkan penyertaan 3,000 peserta, namun, beliau difahamkan bahawa jumlah peserta meningkat kepada 5,000 orang.

"Tahniah kepada semua peserta yang menyertai *City Walk 1.1.13* kerana anda telah menjadi sebahagian daripada lakaran sejarah negeri Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Perasmian *City Walk 1.1.13* di sini baru-baru ini.

Program yang turut dihadiri Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, barisan exco Kerajaan Negeri, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif dan ahli-ahli majlis MPPP turut memperoleh kerjasama Kerajaan Negeri serta *Penang Heritage Trust* (PHT).

Tambah Patahiyah, Kerajaan Negeri di bawah program '*Cleaner, Greener, Healthier & Safer Penang*' merencanakan penglibatan warga Pulau Pinang dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang berkaitan penghijauan, kebersihan, gaya hidup sihat serta keselamatan.

"Kita akan jadikan ini sebagai acara tahunan memandangkan para peserta bukan sahaja dapat menjalani gaya hidup sihat melalui jalan kaki, tetapi juga mampu 'berkenalan' dengan tempat-tempat warisan dan tinggalan sejarah di sini," jelas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng yang teruja dengan sambutan yang diberikan mengucapkan Selamat Tahun Baru 2013 kepada semua yang hadir.

"Inilah yang kita (Kerajaan Negeri) harapkan, seluruh masyarakat tanpa mengira latar belakang politik, agama dan fahaman bersama-sama menjalani kehidupan gaya hidup sihat serta menyahut visi Kerajaan Negeri untuk lebih sihat, selamat, hijau dan bersih.

"Selamat Tahun Baru 2013 kepada semua dan ayuh kita berjalan sambil menikmati permandangan dan keindahan George Town, Bandaraya Warisan Dunia," ujarnya.

Guan Eng turut tidak ketinggalan berjalan sejauh lima kilometer selama dua jam bersama para peserta menelusuri bandar George Town.

Selain acara jalan kaki, pameran agensi kerajaan dan gerai jualan makanan kesihatan turut diadakan sepanjang acara berlangsung.

**Ralat Pengarang**

**DALAM cetakan awal (sebahagian) keluaran Buletin Mutiara 1 - 15 Januari 2013 edisi Bahasa Malaysia di muka surat 21 bertajuk, Tahniah Nicol.**

**Jumlah penganugerahan PBAPP yang bakal disumbangkan kepada Nicol Ann David adalah berjumlah RM100,000 dan bukannya RM10,000 sebagaimana dinyatakan.**

**Sebagai makluman, kesilapan tersebut telah diperbetulkan dalam cetakan berikutnya.**

**Kesilapan tersebut adalah amat dikesali dan Bahagian Pengarang memohon maaf di atas kesilapan berkenaan.**

**Sekian, terima kasih.**

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

# Fajinah penggiat seni atap nipah


ATAP nipah yang telah siap.

**MINATNYA** adalah untuk ke laut, namun, disebabkan kesempitan hidup dan masalah kesihatan, ibu tunggal, Fajinah Jaafar, 52, terpaksa menjual sampan miliknya bagi menampung persekolahan dua anak beliau.

Melalui teknik yang dipelajari daripada arwah Toknya kira-kira 40 tahun lalu, Fajinah menggunakan kemahiran membuat atap nipah bagi menyara kehidupan anak-beranaknya kini.

Walaupun permintaan pasaran adalah tidak tinggi, beliau bersyukur dengan pendapatan halal yang diperoleh. Malah, bagi menambah pendapatan sedia ada, beliau yang mengidap kencing manis dan penyakit darah tinggi turut mengambil upah pelbagai jenis kerja-kerja kampung seperti memarut kelapa, memotong rumput dan lain-lain mengikut permintaan semasa.

"Tidak seperti dulu, kini, atap nipah cuma digunakan di dusun-dusun dan oleh pengusaha tomyam.

"Akak (Fajinah) mula mempelajari seni kemahiran ini pada usia belasan tahun iaitu ketika arwah Tok menjalankan perniagaan produk terbabit.

"Selepas habis belajar, terus kerja kilang dan menjadi nelayan. Maknanya, akak sudah 'tinggalkan' seni tersebut sudah berpuluh-puluh tahun lamanya," katanya ketika diwawancara Buletin Mutiara di kediamannya di Kampung Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau baru-baru ini.


POKOK-pokok nipah yang tumbuh subur di belakang kediaman beliau.

Walaupun tidak pernah komited dengan bidang perniagaan berkenaan, atas minat Fajinah terhadap seni tradisional, teknik kemahiran dipelajari tidak pernah luntur daripada ingatannya.

Setelah sekian lama, tempahan pertama 1,200 keping atap nipah yang diterima daripada seorang penternak kambing di Sungai Pinang, Balik Pulau baru-baru ini langsung tidak 'menggerunkan' beliau.

Sebaliknya, dengan penuh yakin, Fajinah menerima tempahan tersebut dan kini dalam proses akhir untuk disiapkan.


TEKNIK menganyam atap nipah.


MENUNJUKKAN susunan daun nipah yang perlu dianyam bertindih-tindih bagi menjamin kualiti atap.

Menggunakan bahan asas seperti daun nipah, batang pinang (lebih tahan lama dari buluh) sebagai mengkawan dan memban (sebagai tali pengikat), tempoh masa untuk menyiapkan sekeping atap sepanjang 10 kaki adalah kira-kira 15 hingga 20 minit.


FAJINAH Jaafar.

"Daun nipah perlu diatur secara rapat dan bertindih-tindih untuk membolehkannya tahan lama iaitu dalam tempoh kira-kira tujuh tahun.

"Juga terdapat teknik khas untuk potong batang pinang bagi dijadikan mengkawan dan kena berhati-hati apabila memotong memban bagi menjadikannya bentuk 'sekeping' sebagai tali pengikat ketika menganyam," jelasnya sambil menyatakan bahawa penggunaan atap nipah sebagai bumbung mampu menyediakan satu ruang yang nyaman dan apabila hujan, ia tidak mengeluarkan bunyi bising seperti zink.

Sebagai pengekalan seni tradisional tersebut, adalah menjadi harapan Fajinah agar atap nipah dikekal dan diperkenalkan kepada generasi baru kini.

Pada aspek itu, beliau menyatakan bahawa sistem pendidikan negara memainkan peranan amat penting.

"Kenapa sekolah, kolej-kolej tidak menjalankan kajian tentang seni ini. Contohnya, penggunaan pokok nipah dari buah kepada pucuk, pokok dan daun yang boleh digunakan sepenuhnya,'' ujar beliau sambil menegaskan bahawa sistem pendidikan perlu mewujudkan rasa ingin tahu serta pendedahan lanjut dalam kalangan pelajar berhubung seni-seni tradisional yang kian pupus tersebut.

Mengulas lanjut berhubung hasratnya untuk turun ke laut semula, Fajinah memberitahu bahawa walaupun ramai beranggapan lebih 'selamat' berada di daratan, namun, beliau tetap merindui kehidupan sebagai nelayan sebelum ini.

Maka, adalah menjadi harapan beliau supaya terdapat pihak yang sudi menyumbangkan kepadanya sebuah sampan kerana bagi Fajinah, pendapatan sebagai nelayan adalah lebih lumayan berbanding tempahan atap dan kerja-kerja kampung yang tidak menentu.

"Walaupun kesihatan akak tidak begitu mengizinkan kini, namun, pengalaman di laut dalam tempoh 30 tahun adalah amat dirindui.

"Pegangan hidup akak adalah cita-cita perlu dikejar sampai mati. Malah, nasihat akak kepada golongan wanita kini adalah perlu berdikari. Perasaan sayang terhadap seseorang perlu ada hadnya dan sayang kepada diri sendiri adalah lebih penting. Ini kerana, sekiranya apa-apa berlaku, kita (wanita) boleh bawa diri terutamanya apabila berhadapan dengan penceraian,'' katanya mengakhiri sesi wawancara diatur.

**INFO :**
**Fajinah Jaafar**
**012 – 532 0599**

# Perjuangan PI bukan peribadi - Zairil



ZAIRIL Khir Johari.

**SELEPAS** tsunami politik 8 Mac 2008, banyak muka baru dari kalangan ahli politik muda muncul di persada nasional.

Salah seorang daripadanya adalah Zairil Khir Johari, iaitu anak kepada bekas Menteri Pelajaran Malaysia.

Komitmennya untuk mengukuhkan tapak sokongan rakyat terhadap kepemimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengakibatkan boleh digamit pelbagai kontroversi.

Untuk kenal lebih dekat mengenai selebriti muda ini, ikuti wawancara beliau bersama wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB.**

**BM : Tiba-tiba Tuan mencuri perhatian khalayak sehingga diberi kepercayaan untuk mengepalai *Penang Institute* (PI). Selaku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), apakah wawasan yang ingin dibawa di institusi itu?**

**ZAIRIL KHIR JOHARI (ZAIRIL) :** Pada saya, PI selaku badan pemikir Kerajaan Negeri mempunyai peranan yang penting bukan sahaja dalam proses perancangan dasar Kerajaan Negeri, malah juga dalam pendidikan umum. Dengan kata lain, PI mempunyai tanggungjawab untuk menggerakkan budaya ilmu dalam kalangan rakyat Pulau Pinang. Ini sesuai dengan sejarah Pulau Pinang yang dahulunya merupakan kota pencerahan di rantau Nusantara. Oleh itu, PI sekadar ingin mengembalikan kemasyhuran zaman kegemilangan itu.

**BM : Kadang-kadang PI ini dilihat sebagai elit pemikir bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang sungguhpun banyak mempopularkan kebudayaan Melayu. Sejauhmana kebenaran anggapan ini?**

**ZAIRIL :** Dalam usaha menyebarkan ilmu, kami (PI) mengambil dua pendekatan. Pertama, program-program yang bersifat akademik serta kuliah dan persidangan antarabangsa melibatkan tokoh-tokoh cedekiawan, ilmuan serta pemimpin-pemimpin dari seluruh dunia adalah sangat penting untuk memperkuatkan Pulau Pinang sebagai kancah ilmu antarbangsa.

Pun begitu, pada masa yang sama kami juga mengambil pendekatan untuk menganjurkan program-program yang lebih mesra rakyat dan bersifat kebudayaan.

Kebudayaan sesebuah masyarakat adalah cerminan kepada hubungan sosial masyarakat tersebut. Oleh itu, kami percaya bahawa budaya haruslah dimajukan dengan cara yang matang dan tidak jumud. Ia juga harus relevan kepada orang ramai.

Oleh itu, kami giat menjalankan program-program kebudayaan seperti Forum Nusantara dan Festival P Ramlee Pulau Pinang.

**BM : Bolehkah Tuan berkongsi dengan akhbar Buletin Mutiara mengenai rekod kejayaan PI selama lebih empat tahun lepas?**

**ZAIRIL :** Dalam setahun yang lepas, PI telah berjaya menganjurkan pelbagai program termasuk forum, kuliah, persidangan antarabangsa dan lain-lain lagi, di samping projek-projek kajian yang dilakukan.

Sebagai contoh, kami telah memulakan siri Forum Nusantara untuk membincangkan isu-isu berkisar pada kebudayaan, gerakan pencerahan Melayu dan sebagainya.

Setakat ini sudah tujuh forum diadakan di serata negeri. Kami juga telah menganjurkan forum-forum untuk membincangkan isu-isu semasa seperti skandal *Port Klang Free Zone*, kerugian Bank Negara dalam spekulasi mata wang asing, demokrasi tempatan dan lain-lain lagi.

Di samping itu, kami juga berjaya menganjurkan satu persidangan antarabangsa yang membabitkan peserta dari tujuh negara untuk membincangkan tadbir urus bersih sepertimana diperjuangkan Kerajaan Negeri.

Antara tokoh-tokoh yang telah sudi mengambil bahagian dalam program-program kita adalah ahli falsafah Islam terkemuka, Prof. Tariq Ramadan, ahli ekonomi termasyhur dunia, Prof. Jeffrey Sachs, mantan Presiden Indonesia, BJ Habibie, mantan Perdana Menteri Thailand, Abhisit Vejjajiva dan sasterawan Indonesia, Goenawan Mohamad.

Bagi tokoh-tokoh tempatan pula, kami berbesar hati kerana dapat membawa Datuk Ambiga Sreenevasan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Saifuddin Abdullah dan lain-lain lagi.

**BM : Sejak Tuan mengambil keputusan untuk mengukuhkan tapak sokongan rakyat, khususnya Melayu terhadap Kerajaan Negeri, Tuan menjadi seakan menjadi mangsa serangan pihak tertentu. Bagaimana Tuan menempuhi cabaran ini?**

**ZAIRIL :** Apabila saya mengambil keputusan untuk berkhidmat dalam kancah awam, saya sedar dan menerima bahawa saya akan diselar dan dicemuh pelbagai pihak.

Walaupun sering menjadi mangsa fitnah dan tohmah, saya perlu menabahkan diri untuk mengharungi cabaran kerana saya percaya bahawa perjuangan saya adalah benar dan bukan untuk kepentingan peribadi.

**BM : Akhir sekali, apakah harapan Tuan untuk PI, Kerajaan Negeri dan warga Pulau Pinang?**

**ZAIRIL :** Besar harapan bahawa PI dapat membantu Kerajaan Negeri untuk menyebarkan semangat pencerahan ilmu dan kebudayaan sepertimana tokoh-tokoh lama Pulau Pinang seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Tuan Guru Yusof Rawa dan P Ramlee sendiri.

Pulau Pinang adalah negeri yang bertuah kerana mempunyai warisan kosmopolitan dan pelbagai bangsa dan budaya.

Ini adalah kekuatan kita dan saya rasa adalah wajar kita semua menggunakan asas ini untuk memajukan lagi masyarakat kita.




ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) bersama-sama dif-dif jemputan dalam salah satu majlis anjuran PI.

# Fokus MPSP 2013 ke arah pengantarabangsaan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT MERTAJAM –** Fokus MPSP 2013 yang mendokong tujuh teras utama yang bakal dilaksanakan pada tahun ini mampu merealisasikan kehendak-kehendak *stakeholders* di Seberang Perai sekaligus mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada warga Seberang Perai di sini.

Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif dalam ucapannya sebagai dipetik berkata bahawa, tujuh teras utama terbabit adalah melibatkan 37 program dan 87 aktiviti untuk menuju ke era Bandar Pintar (*Smart City*).

"Persekitaran bersih, mitigasi banjir, penyertaan dan kesejahteraan komuniti, pengindahan serta penghijauan, penguatkuasaan bersepadu, pengukuhan keupayaan kewangan dan pembinaan kapasiti adalah tujuh teras Fokus MPSP 2013 yang bakal diberi perhatian penuh tahun ini.

"Fokus ini memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk memurnikan sistem penyampaian perkhidmatan MPSP ke arah memenuhi aspirasi rakyat," katanya pada Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MPSP di Dewan Kenanga MPSP di sini baru-baru ini.

Turut dilancarkan adalah Sistem Pemantauan Pintar atau *Smart Monitoring System* (SMS).

Kata Maimunah, dalam usaha untuk menjayakan Fokus MPSP 2013, peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit adalah amat penting untuk memberi maklum balas yang tepat, cepat dan saksama kepada *stakeholders*.

Tambahnya, hasil dari Fokus MPSP 2013, Jabatan Landskap MPSP akan ditubuhkan, iaitu Unit Landskap yang distruktur semula daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran bagi memantapkan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di seluruh kawasan pentadbiran MPSP di Seberang Perai.

"Selain itu, MPSP akan mengembangkan lagi fungsi dan peranan Bahagian Pembangunan Korporat ke peringkat antarabangsa dengan mewujudkan Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa selaras dengan hasrat MPSP menuju pengantarabangsaan.

"MPSP bukan sahaja telah menjadi ahli kepada *World e-Governments Organization of Cities and Local Government,* malah, kini dalam proses menjadi ahli *Tourism Promotion Organization for Asia Pasific Cities* dan ahli *City-Net,*" jelas beliau.



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

Ketika ditemui, Maimunah menjelaskan bahawa MPSP juga bakal menubuhkan sebuah lagi unit baru iaitu Unit Warisan di bawah Jabatan Bangunan yang berfungsi untuk merancang dan mendokumentasikan aset-aset warisan serta mempromosikan pelancongan di dalam kawasan pentadbiran MPSP.

Dalam pada itu, beliau turut berhasrat memperkukuhkan Unit Eko-Komuniti di Jabatan Kemasyarakatan bagi menggalakkan lebih banyak penglibatan masyarakat dalam membantu MPSP ke arah pengantarabangsaan.

# Pertimbang naik caj parkir tepi jalan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi menangani masalah gangguan aliran trafik yang semakin meruncing, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) masih dalam pertimbangan sama ada untuk menaikkan caj parkir kenderaan di bahu-bahu jalan baru-baru ini di sini.



A. Rajendran.

Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPPP, A. Rajendran berkata, perkara tersebut masih dalam pertimbangan dan perbincangan bagi mengelakkan pemandu meletak kenderaan di tepi jalan dalam tempoh masa yang panjang.

"Kebanyakkan daripada pemandu memarkir kenderaan mereka dalam tempoh masa yang panjang, bahkan ada segelintir pemandu meletakkan kenderaan sehari suntuk sehingga menyebabkan pemandu-pemandu lain tidak dapat meletakkan kenderaan di petak parkir disediakan MPPP.

"Di atas faktor tersebutlah, MPPP masih dalam pertimbangan untuk menaikkan caj meletak kenderaan kepada pemandu yang didapati melebihi tempoh masa ditetapkan," ujarnya pada sidang media pengumuman penukaran aliran trafik sekitar Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Kejuruteraan, Addnan Mohd. Razali dan Jurutera Lalulintas, Zainuddin Mohamad Shariff.

Rajendran berkata, langkah tersebut adalah perlu ekoran tindakan para pemandu yang sering meletak kenderaan di tepi jalan hingga menghalang aliran traffik terutamanya di kawasan-kawasan trafik padat terutamanya sekitar Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar)," ujar beliau.

# MPSP tawar *Samsung Note II,* hadiah cabutan bertuah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Warga Seberang Perai yang tiada cukai taksiran tertunggak dan berjaya membayar sepenuhnya cukai bagi tahun 2013 sebelum 31 Disember 2012 layak untuk memenangi cabutan bertuah berupa telefon pintar *Samsung Galaxy Note II* yang bernilai lebih RM2,000.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee berkata, majlis menyediakan sekali ganda hadiah cabutan bertuah untuk tahun ini berbanding tahun lepas yang berjumlah 31 hadiah sahaja.

"Majlis (MPSP) belanja RM30,000 untuk 10 hadiah utama, manakala, baki hadiah ditaja oleh beberapa bank," ujar beliau di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, di sini baru-baru ini.

Difahamkan, sebanyak 77 telefon pintar ditawarkan sebagai hadiah cabutan bertuah, termasuk *Apple iPad 3* (32GB), 2 unit *iPad 3* (16GB), *Samsung Galaxy Tab 7.0* (2), komputer riba berjenama (2) dan televisyen LED 32 inci (2).

Tidak cukup dengan itu, kata Lip Chee, MPSP turut menyediakan 25,000 buku kupon parkir secara percuma dengan harga setiap satunya bernilai RM2 kepada warga Seberang Perai yang berjaya melunaskan cukai taksiran sepenuhnya sehingga tahun 2013.

Malah, katanya, kupon luput tahun 2012 masih boleh digunakan pada tahun 2013 dengan syarat mendapatkan cop pengesahan di Kaunter Kupon MPSP, di sini terlebih dahulu.

"Ini cara MPSP menghargai warga setempat yang memberi kerjasama baik dengan inisiatif MPSP selama ini," ujarnya.

Proses pembayaran cukai taksiran boleh dilakukan di Kaunter Pembayaran MPSP, MPSP Cawangan Jawi atau MPSP Cawangan Taman Selat, Butterworth.

Sebelum itu, Pengarah Bahagian Hasil MPSP, Mohamed Nizam Md. Shariff mengumumkan, majlis mensasarkan kutipan cukai taksiran antara RM16 juta hingga RM17 juta bagi tahun 2013 daripada lebih 200,000 pemilik harta di sekitar Seberang Perai.

"Bagi tahun 2012, kami telah mengutip kira-kira RM15 juta daripada pembayar cukai," jelas beliau.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian 04 – 549 7555 atau layari *http://www.mpsp.gov.my.*




**SOON Lip Chee (kanan) dan Mohamed Nizam Md. Shariff mempamerkan kupon parkir luput tahun 2012 yang sudah dicop dan sah digunakan untuk tahun 2013 dalam sidang media di sini baru-baru ini.**

# Pelajar cemerlang PMR dihargai

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**NIBONG TEBAL –** Seramai 17 pelajar Sekolah Menengah (SM) Methodist yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) baru-baru ini menerima sijil penghargaan yang disampaikan dalam majlis khas di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 10 pelajar memperoleh keputusan semua A dan selebihnya, 6A.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Teoh Seang Hooi yang hadir menyempurnakan majlis tersebut merakamkan ucapan tahniah kepada para guru yang bertungkus-lumus berusaha dan membimbing para pelajar sehingga mencapai keputusan cemerlang.

"Para pelajar juga mesti menghargai jasa para guru dan bakti mereka serta janganlah bersikap angkuh dengan keputusan diterima ibarat kacang lupakan kulit.

"Ini kerana, kecemerlangan keputusan peperiksaan semata-mata adalah tidak mencukupi, sebaliknya, para pelajar juga harus mempunyai nilai moral tinggi, bersopan santun serta menghormati para guru dan ibu bapa," katanya yang juga merangkap Yang DiPertua Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) SM Methodist pada majlis penyampaian khas di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengetua Sekolah, Aini Mohd. Yaakob dan Penolong Kanan I, Mohd. Roseli Khalid.




**PARA pelajar cemerlang SM Methodist menunjukkan sijil penghargaan yang diterima sambil bergambar kenangan bersama-sama Teoh Seang Hooi (berdiri, enam dari kanan) dan Aini Mohd. Yaakob (berdiri, lima dari kanan) pada majlis penghargaan khas di sini baru-baru ini.**

# Aing Thye dilantik semula

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bekas Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye yang telah bersara pada 26 Disember tahun lalu (2012) dilantik semula menjawat jawatan sama secara kontrak bagi tempoh setahun perkhidmatan.

Aing Thye berkata, beliau bersedia memberi khidmat dan tanggungjawab terbaik dalam melaksanakan tugasnya.

"Saya telah bekerja dan bersama-sama MPPP hampir tiga dekad. Masih terdapat banyak lagi yang perlu dilakukan oleh Majlis.

"Justeru, saya bersedia bersama-sama Majlis melakukan yang terbaik," ujarnya semasa sidang media mengumumkan perkara tersebut di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, pihak Majlis gembira kerana masih berpeluang menjalinkan kerjasama bersama-sama Aing Thye.



**ANG Aing Thye.**

"Saya sangat gembira dapat menjalinkan kerjasama baik bersama beliau semula.

"Saya sudah lama mengenali beliau," ujar Patahiyah semasa mengumumkan perkara tersebut pada Mesyuarat Penuh Majlis yang pertama di Dewan Bandaran baru-baru ini.

Aing Thye merupakan salah seorang di antara 176 pekerja MPPP yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012, tahun lalu.



**ALATAN permainan baru yang disumbangkan bagi kegunaan komuniti Flat Sri Genting di sini baru-baru ini.**

# Flat Sri Genting dapat alat mainan baru

**BALIK PULAU –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukkan RM10,000 di bawah Pulau Pinang Bersih dan Hijau sebagai sumbangan sebuah alatan permainan kanak-kanak baru kepada komuniti Flat Sri Genting atau lebih dikenali sebagai Flat Hijau di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPPP, Mohd. Taufik Sulong berkata, sumbangan terbabit adalah bagi menggantikan alatan permainan sedia ada yang telah rosak dan mendatangkan bahaya kepada pengguna terutamanya golongan kanak-kanak.

"Peralatan lama yang telah usang dan rosak boleh mengundang bahaya kepada kanak-kanak terutamanya ketika mereka bermain.

"Selain itu, sumbangan ini adalah sebagai satu galakkan untuk komuniti setempat melakukan aktiviti sihat dan cergas bersama keluarga melalui aktiviti riadah.

"Usaha ini menunjukkan bahawa pihak MPPP dan ahli majlis sebenarnya adalah prihatin dengan keperluan rekreasi rakyat tanpa mengira latar belakang seseorang," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, tambah Mohd. Taufik, adalah menjadi peranan masyarakat setempat untuk menjaga segala kemudahan yang telah dibekalkan dan mencegah kegiatan vandalisme di sini.

"Masyarakat setempat perlu sama-sama mencegah vandalisme dan menjaga kebersihan kawasan.

"Malah, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat perlu meningkatkan pemantauan aspek kebersihan dan kehadiran pihak-pihak yang sering melakukan kerosakan.

"Bagi memastikan taman permainan ini dapat digunakan dalam tempoh yang lama, kanak-kanak juga diingatkan supaya jangan sewenang-wenangnya mengotorkan kawasan sekitar dengan membuang sampah serta melekatkan gula getah di merata-rata," tegas beliau.



**ROSIDI Hussain (kanan sekali) menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada salah seorang penerima di sini baru-baru ini.**

## Beg sekolah disumbang dari rumah ke rumah

**PENAGA** – Sempena musim kembali ke sekolah, Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga menganjurkan program amal, Penyerahan Sumbangan Beg Sekolah Rumah Ke Rumah Kepada Keluarga Kurang Berkemampuan di sini baru-baru ini.

PPK Penaga, Rosidi Hussain berkata, pada setiap bulan, pihaknya meneruskan program al-it'am dan ziarah rumah ke rumah.

"Kali ini, kita tambah lagi satu program iaitu pemberian sumbangan beg sekolah kepada mereka kurang berkemampuan bagi membantu meringankan bebanan yang ditanggung. ," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Rosidi, sumbangan beg sekolah sebanyak 15 beg disampaikan baru-baru ini.

Terdahulu, Rosidi turut menyampaikan sumbangan kelengkapan persekolahan kepada murid-murid sekitar sini.

"Sumbangan kecil ini bukan sahaja mampu meringankan bebanan keluarga, malah, apabila kita berjumpa adik-adik ini, kita dapat sampaikan pesanan serta nasihat agar mereka belajar bersungguh-sungguh demi masa depan yang cerah.

"Kata-kata semangat adakalanya lebih berkesan jika dibandingkan dengan token atau nilai sumbangan disampaikan," ujar beliau.

Sementara itu, Rosidi turut mengadakan ziarah ke kira-kira 20 buah rumah sekitar sini untuk menyampaikan sumbangan beras dan mendengar masalah rakyat.

"InsyaAllah, kita akan terus menyantuni masyarakat setempat dan memberi perkhidmatan yang baik demi membantu mereka," jelasnya.

# Gotong-royong banteras denggi



**ABDUL Jalil Che Ros (kanan sekali) memerhatikan kerja-kerja pembersihan longkang yang dilakukan secara bersama dengan Abdul Latif Abdullah (bertopi) pada Program Gotong-royong Perdana Bersama Komuniti Blok D, Tenggiri di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Gotong-royong bukan sahaja mampu mengeratkan ukhuwah sesama penduduk, tetapi juga mampu membanteras serta membendung gejala demam denggi daripada menular, tegas Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Seberang Jaya, Abdul Jalil Che Ros di sini baru-baru ini.

Tambahnya, Gotong-royong Perdana Bersama Komuniti Blok D, Tenggiri adalah antara beberapa siri program berkaitan yang dirancang untuk komuniti rumah pangsa di sini.

"Seperti yang kita maklum, kes demam denggi sejak kebelakangan ini meningkat dan isu ini harus ditangani secara bersama.

"Gotong-royong akan diteruskan secara kelompok dari suatu kawasan ke kawasan lain bagi memastikan Seberang Jaya bersih dan indah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri," katanya di sini baru-baru ini.

Program anjuran Pejabat Pusat Khidmat PPK Seberang Jaya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut memperoleh kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Tenggiri, AMK Permatang Pauh dan *Special Duties Unit* (SDU) Seberang Jaya.

Berteraskan "Rumah Bersih, Seberang Jaya Indah", program terbabit melibatkan komuniti di Blok D6 dan Blok D7.

Hadir sama, Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud; Ahli Majlis MPSP, Ahmad Farid Arshad dan Abdul Latif Abdullah.



**SEBAHAGIAN kanak-kanak yang hadir mendapatkan perkhidmatan menggunting rambut sempena Program Kembali ke Sekolah yang diadakan di sini baru-baru ini.**

## Program masyarakat dekati masjid dianjur

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Dalam usaha untuk mendekatkan masyarakat dengan institusi masjid, Pejabat Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong dengan kerjasama Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Taufik Sulong dan Masjid Daerah Barat Daya, telah menganjurkan kempen Jom Tutup Aurat baru-baru ini.

Kempen yang diadakan sempena Program Kembali ke Sekolah turut diselitkan dengan beberapa aktiviti kemasyarakatan yang memberi impak positif dalam pembangunan insan.

PPKnya, Mohd. Tuah Ismail berkata, peranan dan fungsi masjid bukanlah terhad kepada solat semata-mata, sebaliknya institusi masjid turut berfungsi sebagai pusat kemasyarakatan yang memberi penekanan terhadap pembinaan sahsiah dan moral.

"Pengimarahan masjid perlu dilaksanakan secara berterusan dan program ini adalah sebagai salah satu medium untuk menarik masyarakat mendekati masjid.

"Ia bukan sahaja membuka peluang kepada generasi muda untuk mengenali masjid sebagai institusi kemasyarakatan, tetapi juga mampu mengukuhkan silaturahim sesama masyarakat itu sendiri," kata Tuah ketika ditemui baru-baru ini.

Katanya, pada program tersebut, selain kempen Jom Tutup Aurat, turut dianjurkan adalah kempen Jom Gunting Rambut yang terbuka kepada kanak-kanak yang ingin mendapatkan khidmat menggunting rambut secara percuma.

Dalam pada itu, Perpustakaan Desa Titi Teras turut menganjurkan pertandingan mewarna yang melibatkan hampir 50 kanak-kanak berusia 6 tahun hingga 12 tahun di sini.

# 80 murid terima bantuan persekolahan




**SEBAHAGIAN murid-murid dan ibu bapa yang hadir ke Majlis Penyerahan Beg Sekolah di Jalan Bharu di sini baru-baru ini.**

**TELOK BAHANG –** Seramai 80 murid sekolah rendah dari keluarga kurang berkemampuan Kampung Telok Awak dan Kampung Jalan Bharu di sini menerima sumbangan beg sekolah berserta kelengkapan persekolahan bagi sesi persekolahan tahun ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid berkata, sumbangan tersebut adalah inisiatif Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Sr. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman bersama Pejabat PPK Telok Bahang dalam menjalankan tanggungjawab korporat sosial kepada mereka yang memerlukan.

"Sumbangan ini adalah untuk memberi semangat kepada anak-anak bangsa untuk terus berusaha sehingga mencapai kejayaan pada masa hadapan.

"Jangan letakkan kekurangan sebagai benteng untuk tidak berusaha, sebaliknya, jadikannya sebagai senjata untuk berjuang demi masa depan yang cerah dan terjamin," katanya pada Majlis Penyerahan Beg Sekolah di Jalan Bharu di sini baru-baru ini.

## 70 anak yatim, kurang mampu terima sumbangan



**ASNAH Hashim (tiga dari kanan) bersama-sama sebahagian penerima sumbangan bantuan persekolahan di Sungai Batu di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS –** Menjelangnya sesi perbukaan persekolahan baru setiap tahun, Pejabat Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas pasti mengadakan program khas "Kembali ke Sekolah" bersama para pelajar di sini.

Dalam program anjuran terbaru hasil kerjasama Pusat Urus Zakat (PUZ) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah membabitkan lebih 70 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di sini.

Menurut PPKnya, Asnah Hashim, Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Sekolah bagi sesi 2013 ini adalah bagi pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan anak yatim.

"Alhamdulillah, diharap bantuan kelengkapan persekolahan ini dapat membantu meringankan bebanan keluarga dan sekaligus memberi semangat untuk murid-murid serta pelajar-pelajar ini memulakan sesi baru persekolahan.

"Semoga mereka mampu menjadi pemimpin di masa hadapan dengan cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya pada majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bayan Lepas baru-baru ini.

Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan berkenaan melibatkan semua 10 JKKK di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas.

Dalam pada itu, Asnah turut menyampaikan sumbangan baucar kelengkapan persekolahan bernilai RM100 dalam dua program berasingan di Sungai Batu, Teluk Kumbar di sini.



**SEBAHAGIAN peserta Kem Kembara Solat sedang memperdengarkan bacaan al-Quran secara tajwid dan berkumpulan di sini baru-baru ini.**

## Kem Kembara Solat tarik 50 pelajar

**SUNGAI DUA –** Kem Kembara Solat anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Tok Jaya bersama Ahli Jawatankuasa Qaryah Surau Haji Saad, Sungai Dua di sini berjaya menarik penyertaan hampir 50 murid sekolah rendah di kawasan sekitar baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohammad berkata, program tersebut bertujuan mengisi masa lapang peserta terutama ketika cuti persekolahan baru-baru ini.

Tambahnya, program yang diadakan selama dua hari itu berjaya mencapai objektifnya untuk menambah ilmu pengetahuan dan secara praktikal pendedahan terhadap tatacara serta tertib solat, selain dapat menghindar murid-murid terlibat dengan kegiatan tidak sihat sepanjang musim cuti persekolahan.

"Banyak perkara baharu yang mereka peroleh selain menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga solat termasuk solat berjemaah.

"Malah, murid-murid terlibat turut diajar cara-cara membaca al-Quran dengan tajwid yang betul," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Tambahnya, ibu bapa murid-murid yang terlibat turut meminta agar kem seumpama diadakan secara bulanan dan terbuka kepada semua murid-murid sekolah rendah, terutama ketika cuti hujung minggu bagi membolehkan anak-anak mereka mempelajari serta memahami kepentingan solat.

"Program seperti ini diharap boleh mengubah sikap peserta kepada yang lebih baik dan positif bukan sahaja dalam hal solat, tetapi apa jua aktiviti harian atau kerjaya mereka pada masa hadapan," kata Zahadi lagi.

Kem Kembara Solat terbabit merupakan yang julung kali diadakan di Surau Haji Saad di sini dan hanya melibatkan murid-murid lelaki sekolah rendah.


Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat
BERSATU DAN SETIA
CONTOH
100
DAFTARLAH SEKARANG!!! di pejabat ADUN ANDA!
PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS
PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS